



09 JUN, 2026

2 didakwa beri suapan maklumat serbuan bitcoin

Berita Harian, Malaysia



2 didakwa beri suapan maklumat serbuan bitcoin

Shah Alam: Seorang pengurus dan penolong pengurus syarikat teknologi maklumat didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas 10 pertuduhan memberi rasuah, bagi maklumat operasi serbuan perlombongan mata wang kripto (bitcoin) secara haram. Lai Chung Lam, 40, dan Lee Chee Yong, 43, mengaku tidak bersalah di depan Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud selepas semua pertuduhan terhadap mereka dibacakan secara bersekali.

Berdasarkan pertuduhan, Chung Lam dan Chee Yong secara bersama-sama didakwa memberi suapan keseluruhan RM56,000 kepada seorang individu melalui perantara di beberapa restoran dan butik di Bandar Sunway, Petaling Jaya pada 28 Ogos, 2 Oktober, 17 November, 16 Disember 2020 dan 10 Mei 2021.

Suapan wang tunai itu sebagai balasan memberikan maklumat berhubung operasi serbuan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) terhadap premis yang disyaki menjalankan perlombongan bitcoin secara haram melalui penggunaan elektrik secara curang.

Mereka didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16(b)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan jika ia berbentuk wang, atau RM10,000, mengikut mana-mana lebih tinggi.

Bagi lima lagi pertuduhan pilihan, mereka didakwa dalam meneruskan niat secara bersama memberi suatu hadiah berupa wang tunai RM56,000 pada penama, tarikh, lokasi dan tujuan yang sama.

Justeru, mereka didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 214 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun, atau denda, atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Noorhani Muhmmmed Ayub menawarkan jaminan RM60,000 berserta syarat tambahan, iaitu menyerahkan pasport ke mahkamah, melaporkan diri ke pejabat SPRM dan tidak mengganggu saksi pendakwaan.